

The logo for MSWG (Minority Shareholder Watchdog Group) features the letters 'MSWG' in white on a dark blue background.

MINORITY SHAREHOLDER WATCHDOG GROUP

Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti Berhad

Incorporated in Malaysia * Company No. 524898-M

The Observer

10.11.2017

TANDAKAN KALENDAR ANDA!

**MAJLIS PENGIKTIRAFAN TADBIR URUS KORPORAT MSWG-ASEAN 2017
DI HOTEL MAJESTIC HOTEL, KUALA LUMPUR
PADA HARI RABU, 6 DISEMBER 2017**

Anda sudah bersedia untuk acara tahunan kami? Kami berbesar hati ingin berkongsi penemuan dan keputusan tahap tadbir urus syarikat tersenarai awam pada Acara Tadbir Urus tahunan kami dan diikuti dengan majlis penyampaian anugerah bagi mengiktiraf syarikat-syarikat yang menunjukkan standard amalan tadbir urus korporat yang tinggi. Yang Berhormat Menteri Kewangan Kedua, Datuk Seri Johari Abdul Ghani, telah bersetuju untuk hadir pada acara itu dan menyampaikan ucapan serta menyampaikan anugerah kepada pemenang.

Sertai kami untuk meraikannya bersama-sama pemenang tadbir urus korporat cemerlang. Ini adalah peluang setahun sekali bagi anda mendapatkan pencerahan tentang amalan tadbir urus korporat terbaik mereka.

Cuma tinggal tiga minggu lagi! Kami mengharapkan penyertaan dan sokongan anda pada majlis itu kelak.

SUARA MSWG

KETELUSAN DAN ORANG BAHARU DALAM MRT

Ada beberapa perkembangan utama dalam industri pengangkutan dan pembinaan tempatan, dengan MRT Corp melancarkan proses tender untuk Laluan Lingkaran MRT3, dianggarkan memakan kos kira-kira RM40 bilion.

Proses ini agak berlainan daripada model Rakan Pelaksanaan Projek (Partner Delivery Project, PDP) terdahulu, yang mana kerajaan membiayai kos projek secara langsung melalui konsortium pengurusan projek.

Di bawah peranan Kejuruteraan, Perolehan, Pembinaan dan Pentauliahan (EPCC) baharu ini, konsortium yang berjaya akan membiayai sendiri projek ini sepenuhnya serta mengambil alih peranan MMC/ Gamuda dalam projek-projek sedemikian, yang mana JV ini adalah pembekal PDP untuk MRT1 dan MRT2.

Tender untuk MRT3 perlu telus, sambil membuka peluang kepada syarikat-syarikat baharu yang bukan dari MMC/ Gamuda untuk mengambil bahagian dalam laluan MRT 3 baharu sepanjang 40km yang merangkumi terowong berkembar sepanjang 32 km dan akueduk sepanjang 8km.

ANJAKAN BAHARU PERBANKAN ISLAM

Cadangan pengambilalihan 100% pegangan dalam pemberi pinjaman Islamik, Asia Bank Islam (AFB) yang bernilai RM645 juta oleh Malaysia Building Society Bhd, menarik perhatian kami atas tiga sebab.

Pertama, ini adalah pengambilalihan pertama bank Islam sepenuhnya sejak Hong Leong Bank membeli EON Bank pada 2010, suatu tempoh yang cukup lama apabila memperkatakan tentang penyatuan sektor berkenaan.

Kedua, langkah ini membuka jalan kepada MBSB untuk menjadi sebuah institusi kewangan Islam sepenuhnya selepas kegagalan dua usaha penggabungan sebelum ini iaitu dengan Bank Muamalat dan Kumpulan CIMB/ RHB Bank.

Jika ia berjaya dilaksanakan, MBSB akan dapat menawarkan perkhidmatan kewangan yang tidak dibenarkan pada masa ini berikutan statusnya sebagai institusi kewangan bukan bank, seperti kemudahan perdagangan, deposit CASA (akaun semasa dan simpanan) dan instrumen antara bank.

Ketiga, penggabungan ini bukan sahaja akan menjadikan MBSB bank Islam tunggal kedua terbesar di Malaysia, selepas Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB), dengan jumlah aset sebanyak RM48 bilion dan satu daripada hanya tiga syarikat perkhidmatan kewangan patuh Syariah yang tersenarai malah ia juga akan memajukan rancangan Bank Negara untuk mewujudkan bank Islam yang kukuh dan mampu bersaing di peringkat antarabangsa.

TRAGEDI BANJIR

Banjir terburuk dalam sejarah Pulau Pinang mungkin memberi kesan minimum terhadap sektor semikonduktor, automotif, pembinaan, hartanah, REIT dan penerbangan yang merupakan segmen perniagaan utama yang beroperasi di pulau itu.

Namun kesan kerosakan minimal terhadap perniagaan besar ini menimbulkan risiko rasa selesa dalam era kesan pemanasan global benar-benar berlaku, seperti cuaca dan suhu yang tidak menentu serta kenaikan paras laut.

Pulau Pinang, dan Malaysia khususnya, perlu bersedia, mengambil perhatian dan menguatkuasakan langkah-langkah pencegahan bagi memastikan daya ketahanan alam sekitar kerana ada kemungkinan insiden ini akan berulang dengan lebih kerap dan serius pada masa akan datang.

Walau apa pun, Malaysia perlu mengambil teladan daripada kerugian besar yang disebabkan oleh tragedi banjir terburuk di Bangkok dalam tempoh 50 tahun (dua kali dalam tujuh tahun terakhir), yang mengakibatkan kehilangan beratus-ratus nyawa dan kerugian berbilion baht akibat gangguan dalam rantaian bekalan.

Malaysia dan Pulau Pinang khususnya, tidak boleh membiarkan kerosakan sebesar ini berlaku. Salam takziah dan simpati kami buat mangsa banjir.

LEBIH PILIHAN UNTUK GOLONGAN MARHAEN

Berita baik untuk pelabur runcit yang mencari lebih banyak pilihan pelaburan.

Menjelang suku pertama tahun depan, Suruhanjaya Sekuriti (SC) akan membenarkan pelabur runcit membeli bon dan sukuk (bon Islam) yang dijual di pasaran borong, seterusnya membuka kelas aset yang tidak dapat diakses sebelum ini kepada orang kebanyakan.

Walau bagaimanapun, SC perlu mengambil tindakan bijak dengan hanya membenarkan akses bagi peruncit kepada bon bernilai tinggi demi mengurangkan risiko potensi kerugian.

LAGI BERITA BAIK DI FGV

Ada lebih banyak berita baik dari Felda Global Ventures (FGV), sekurang-kurangnya daripada perspektif penjimatan kos.

FGV telah mengumumkan Skim Pemisahan Sukarela (VSS) yang ditawarkan kepada 236 pengurus kanan selain mengumumkan pemotongan elaun sebanyak 15% bagi mereka yang masih tinggal, sebagai sebahagian daripada inisiatif pengoptimuman tenaga kerja dan pengurusan kos.

Menurut Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan, Datuk Zakaria Arshad, inisiatif ini perlu “bermula dari atas” dan bertujuan meningkatkan keyakinan para pemegang saham dan pemegang kepentingan.

Langkah dan kenyataan ini adalah wajar dan perlu, terutama selepas bertahun-tahun dihantui kesilapan pengurusan dan pembaziran yang melibatkan kewangan syarikat.

Melangkah ke hadapan, apa yang diperlukan sekarang ialah kekuatan dan sumber yang membolehkan Datuk Zakaria meneruskan perubahan bermakna untuk jangka panjang yang bebas daripada halangan dan campurtangan berkepentingan politik; yang jelas merupakan penyebab utama prestasi FGV yang sederhana sejak 2012. FGV perlu diberikan kebebasan untuk beroperasi sebagai entiti perniagaan dengan tujuan komersil yang khusus sebagai syarikat tersenarai awam yang diamanahkan untuk memenuhi kepentingan ramai, terutama pemegang berkepentingan.

LAWATAN SYARIKAT IIC KE LOTTE CHEMICAL

Dalam peristiwa berasingan, MSWG sebagai ahli Majlis Pelabur Institusi (IIC) hari ini membuat lawatan syarikat ke Lotte Chemical Titan Holding Berhad (Lotte). Diketuai oleh Pengerusi IIC, wakil-wakil IIC dari KWAP, KWSP, PNB, PERKESO, ValueCap dan MSWG, lawatan ini meliputi pelbagai isu mengenai pengurusan risiko, tadbir urus dan penambahbaikan yang bergerak ke hadapan.

Lawatan yang membuah hasil ini menyetengahkan antara lain, kebimbangan pelabur institusi tentang gangguan operasi di Lotte sebelum ini serta langkah pencegahan yang diambil oleh pihak Pengurusan. Melangkah ke hadapan, IIC merancang lebih banyak lawatan syarikat bagi membangkitkan isu-isu yang mempengaruhi pelabur institusi dan juga bertindak sebagai platform untuk menggalakkan tadbir urus yang baik dalam syarikat tersenarai awam, terutama dalam syarikat pelaburan.

GERAKAN HIJAU DITERUSKAN

Nota terakhir kami dan ia berkisar tentang mengecilkan jurang di antara gerakan hijau global dan sektor perkhidmatan kewangan.

Forum Pasaran Modal ASEAN (ACMF), yang mengadakan Persidangan Pasaran Modal ASEAN yang pertama di Kuala Lumpur, minggu ini melancarkan Standard Bon Hijau ASEAN (AGBS) yang dibangunkan berdasarkan Prinsip Bon Hijau (GBP) Persatuan Pasaran Modal Antarabangsa (ICMA) dan hanya digunakan untuk penerbit dan projek di rantau ini.

Prinsip ini secara khusus tidak termasuk projek berkaitan bahan api fosil dan mewakili garis panduan antarabangsa sukarela yang mencadangkan ketelusan dan pendedahan di samping mempromosikan integriti dalam pasaran bon hijau.

Sempena pelancaran AGBS di Malaysia, Permodalan Nasional Bhd (PNB) Malaysia menjadi penerbit pertama di rantau ini yang membuat aku janji untuk mengguna pakai AGBS untuk penerbitan sukuknya bagi membiayai pembinaan Menara Warisan Merdeka, bangunan ketiga tertinggi di dunia apabila siap kelak.

PASUKAN MSWG

10 November 2017

MSWG DALAM BERITA

MSWG URGES INSTITUTIONAL INVESTORS IN ASEAN TO ADOPT GOVERNANCE SCORECARD
<http://www.theedgemarkets.com/article/mswg-urges-institutional-investors-asean-adopt-governance-scorecard>

TINJAUAN MINGGUAN AGM/ EGM MSWG UNTUK TEMPOH 13 HINGGA 17 NOVEMBER 2017

Berikut adalah AGM/EGM syarikat-syarikat di bawah senarai pemantauan MSWG pada minggu ini.

Ringkasan perkara penting disenaraikan di bawah, manakala butiran terperinci soalan yang diajukan kepada syarikat boleh didapati di laman web MSWG di www.mswg.org.my

Tarikh & Masa	Syarikat	Lokasi
14.11.17 (Selasa) 02.30 petang	OSK Holdings Bhd (EGM)	Swiss-Garden Hotel & Residences Kuala Lumpur
16.11.17 (Khamis) 09.30 pagi	SP Setia Bhd (EGM)	Pusat Konvensyen Setia City, Setia Alam, Seksyen U13, Shah Alam
16.11.17 (Khamis) 11.00 pagi	SP Setia Bhd (EGM)	Pusat Konvensyen Setia City, Setia Alam, Seksyen U13, Shah Alam
16.11.17 (Khamis) 10.00 pagi	Padini Holdings Bhd (AGM)	The Saujana Hotel Kuala Lumpur, Jalan LTS, Shah Alam

Perkara penting untuk diajukan:

Company	Perkara/ Isu untuk Diajukan
SP Setia Bhd (EGM)	<ol style="list-style-type: none">Menurut perjanjian perkongsian keuntungan bersyarat, kami mendapati Seriemas berhak mendapat 20% daripada keuntungan sebelum cukai yang diaudit daripada cadangan pembangunan bercampur di Bangi Land, tertakluk pada jumlah maksimum RM44.7 juta. Bolehkah Lembaga jelaskan asas untuk menentukan bahagian keuntungan 20% ini?Seperti yang dinyatakan pada halaman C-29 Pekeliling, Cadangan

Perkara penting untuk diajukan:

	<p>Pengambilalihan I&P akan membolehkan Kumpulan meningkatkan kecekapan operasi dengan mengetengahkan tenaga kerja Kumpulan I&P.</p> <p>Bolehkah Lembaga jelaskan bagaimanakah perolehan ini membantu Kumpulan meningkatkan kecekapan operasi?</p>
Padini Holdings Bhd (AGM)	<ol style="list-style-type: none">1. Kami mendapati pada halaman 14 Laporan Tahunan, kenaikan kos jualan adalah disebabkan oleh peningkatan dalam hapus kira inventori, penurunan nilai inventori dan kerugian inventori.<ol style="list-style-type: none">i) Apakah jenis inventori yang dihapus kira, diturunkan nilai dan yang mengalami kerugian?ii) Akan adakah pertambahan dalam inventori yang dihapus kira dan diturunkan nilai untuk tahun kewangan berakhir 2018?2. Mengenai strategi pengembangan kumpulan, kumpulan telah menubuhkan syarikat subsidiari di Kemboja pada 2017 dan memulakan beberapa rancangan untuk membuka kedai Padini Concept Store and Brand Outlets.<ol style="list-style-type: none">i) Berapakah anggaran bilangan kedai yang akan dibuka di Kemboja untuk 3 tahun akan datang?ii) Berapakah anggaran perbelanjaan modal untuk pelaburan di Kemboja dan pelaksanaan pengubahsuaian di negara itu?

Penganalisa MSWG

Lya Rahman, Pengurus Besar, lyarahman@mswg.org.my

Rebecca Yap, Ketua, Pemantauan Korporat rebecca.yap@mswg.org.my

Quah Ban Aik, Ketua, Pemantauan Korporat banaik.quah@mswg.org.my

Norhisam Sidek, Pengurus, Pemantauan Korporat norhisam@mswg.org.my

Wong Kin Wing, Pengurus, Pemantauan Korporat kinwing@mswg.org.my

Hoo Ley Beng, Pengurus, Pemantauan Korporat linnert.hoo@mswg.org.my

Elaine Choo, Pengurus, Pemantauan Korporat elaine.choo@mswg.org.my

Mustaqim Yusof, Penganalisa Kanan, Khidmat Korporat mustaqim.yusof@mswg.org.my

Muhammad Faris bin Mohamed Yusof, Penganalisa, Pemantauan Korporat farisyusof@mswg.org.my

PENZAHIRAN KEPENTINGAN

- *Sehubungan dengan syarikat-syarikat yang dinyatakan, MSWG memegang jumlah saham yang minima di dalam syarikat-syarikat yang dinyatakan di dalam surat berita ini.*

Maklumbalas

Kami mengalu-alukan maklumbalas anda mengenai surat berita dan khidmat kami. Sila e-mel komen dan cadangan anda ke corporateservices@mswg.org.my.

PENOLAKAN TUNTUTAN

Surat berita ini dan isi kandungannya berserta semua hak-hak berkaitan dengannya termasuk hak cipta dimiliki oleh Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti Berhad, juga dikenali sebagai Minority Shareholder Watchdog Group (MSWG).

Isi kandungan dan pendapat yang dinyatakan di dalam surat berita ini adalah berdasarkan maklumat yang diperolehi daripada domain awam dan bertujuan untuk memberikan maklumat umum kepada pengguna dan adalah untuk rujukan sahaja. Usaha terbaik telah dilakukan untuk memastikan maklumat yang terkandung di dalam surat berita ini adalah tepat dan terkini pada tarikh penerbitan. Walaubagaimanapun, MSWG tidak membuat sebarang waranti nyata atau tersirat atas ketepatan atau kelengkapan maklumat dan pendapat yang terkandung di dalam surat berita ini. Tiada maklumat di dalam surat berita ini yang bertujuan atau patut dianggap sebagai syor untuk membeli atau menjual atau jemputan untuk melanggan sekuriti tertentu, pelaburan yang berkaitan atau mana-mana instrumen kewangan.

MSWG perlu diberikan perakuan bagi mana-mana bahagian surat berita ini yang diterbitkan semula.

MSWG tidak akan bertanggungjawab atau menanggung sebarang liabiliti atas kebergantungan kepada sebarang maklumat atau komen yang terkandung di dalam surat berita ini atau jika ianya diterbitkan semula oleh pihak ketiga. Semua pembaca atau pelabur dinasihatkan supaya mendapatkan nasihat perundangan atau nasihat profesional yang lain sebelum mengambil sebarang tindakan berdasarkan surat berita ini.